

IPTA disaran contohi teknik kumpul dana IPTS

Larissa Lumandan

KOTA KINABALU: Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) harus mengikut teknik mengumpul dana yang diguna pakai oleh rakan swasta mereka, kata Pengerusi Majlis Lembaga Pengarah IPTA, Tun Zaki Tun Azmi.

“Sektor swasta menumpu kepada kecekapan dan duit sementara tujuan utama sektor kerajaan adalah untuk menyediakan pekerjaan dan perkhidmatan,” katanya.

“Semasa kegawatan, sektor swasta akan mengambil langkah untuk mengurangkan kakitangannya dan mencari jalan untuk mengumpul wang. Mereka sentiasa memikirkan jalan untuk meningkatkan keuntungan mereka dan menambah baik perniagaan. Sektor kerajaan, sebaliknya, amat berbeza,” jelasnya.

Zaki berkata demikian semasa Persidangan Sumber Manusia IPTA (Pesuma) 2014 dengan tema ‘Transformasi Halatuju dan Cabaran bagi Pengurusan Sumber Manusia IPTA’ di Hotel Promenade di sini, Isnin.

Program diadakan buat pertama kalinya oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Jawatankuasa Sumber Manusia IPTA dari 25 hingga 27 Ogos.

Zaki juga mengulas kos menggaji lebih ramai kakitangan.

“Tidak boleh dinafikan, lebih ramai kakitangan, lebih tinggi kos anda,” katanya, menambah kakitangan tidak cekap juga membazir wang dan mungkin tidak meningkatkan hasil.

“Oleh itu, mereka (kakitangan tidak cekap) perlu dibuang,” tambahnya, menyatakan pentingnya menetapkan satu indeks prestasi utama (KPI) untuk setiap individu.

“Setiap satu harus mempunyai KPI mereka sendiri termasuk tukang

kebun,” katanya.

Beliau menjelaskan, setiap penyelia tentu mahu orang bawahannya cekap, bagaimanapun, pemimpin mesti menunjukkan contoh baik kepada orang bawahan mereka.

“Kejayaan seorang pemimpin bergantung pada kejayaan orang bawahannya, dan kecekapannya bergantung pada kecekapan orang bawahannya. Pemimpin diperlukan bertanggungjawab bagi setiap tindakan serta kesudahan,” katanya.

Zaki semasa ucapannya juga berkata kecekapan menjimatkan kos, menyatakan institusi tempatan mesti mencari jalan untuk menjadi cekap, justeru, mencegah pembaziran.

Beliau memberi contoh dengan menjelaskan faedah mempunyai pekerja pelbagai tugas selain membolehkan mereka menyumbangkan idea kerana tiada ruginya mencuba idea mereka.

“Saya membolehkan bawahan saya menyumbangkan idea. 50 hingga 60 peratus idea datang dari bawahan saya dan saya cukup berani untuk melaksanakannya,” kata beliau.

Selain itu, pengurus juga mesti menetapkan sempadan mereka untuk pemberian kuasa pekerja.

“Sempadan mesti ditetapkan dengan betul, kalau tidak, pemberian kuasa akan gagal,” katanya, menambah pekerja yang senang hati akan melakukan usaha terbaik mereka.

Bagaimanapun, adalah penting bagi majikan terus melatih pekerja dengan mengadakan ceramah dan lain-lain.

Tentang kenaikan pangkat, Zaki berkata seorang pekerja mesti layak dinaikkan pangkat berdasarkan prestasi dan pencapaian.

Jelasnya, kenaikan pangkat dan ganjaran diukur dengan hasil, bukan tindakan.

“Beri ganjaran sewajarnya, denda bila patut,” tambahnya.